

PM Rasmi Galeri Banding Memori Lebuh Raya Timur Barat

Bernama

May 9, 2014

GERIK, 9 Mei (Bernama) -- 'Galeri Banding Memori Lebuh Raya Timur Barat' dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini, terletak berhadapan dengan Belum Rainforest Resort di sini.

Galeri itu menempatkan sebuah kubu pemerhati yang digunakan anggota tentera pada masa dahulu ketika menentang ancaman komunis yang cuba menggagalkan projek Lebuh Raya Timur Barat yang menghubungkan Gerik, Perak dengan Jeli di Kelantan.

Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor diiringi Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Pengerusi Kumpulan Emkay Tan Sri Dr Mustapha Kamal Abu Bakar dan Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Md Zain, meluangkan masa kira-kira 20 minit melawat galeri itu.

Galeri berkenaan dipulihara dengan bantuan Muzium Tentera Darat dan Kumpulan Emkay.

Galeri itu dibuka kepada umum dan bakal menjadi tarikan kepada sesiapa yang ingin mendalami sejarah pengorbanan anggota tentera ketika berjuang mempertahankan negara daripada ancaman komunis semasa zaman darurat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037069>